

Tauke besar dalam ‘radar’

Langkah pastikan golongan kaya tidak terlepas bayar cukai

bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan tauke besar kini berada dalam ‘radar’ kerajaan demi memastikan golongan itu tidak terlepas daripada membayar cukai.

Meskipun ada yang menggelar beliau ‘hilang akal’ kerana memberi tekanan kepada tauke besar, Perdana Menteri memberi jaminan kerajaan tidak akan sesekali tunduk, apatah lagi membiarkan golongan itu melarikan wang yang sepatutnya dibayar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk manfaat rakyat.

“Kamu kaya berbilion-bilion (tetapi) cukai tak mahu bayar. Bawa lari (wang) ke luar negara dan minta saya jadi Perdana Menteri.

“Apa (harapan kamu) saya biar kan ini dan (hanya) kutip cukai daripada rakyat?”

“Saya akan kutip cukai daripada rakyat, tetapi saya tidak akan lepaskan tauke dan maha kaya ini daripada membayar cukai,” katanya disusuli tepukan gemuruh perwakilan ketika menyampaikan Ucapan Dasar Presiden sempena Kongres Khas PKR, di sini, semalam.

Kongres berlangsung di Stadium Malawati itu bertemakan ‘Malaysia MADANI: Pelaksanaan



Anwar bertemu duta dan delegasi asing pada Kongres Khas PKR di Stadium Melawati, Shah Alam, semalam.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

Sebuah Idealisme’ dan dihadiri 1,200 perwakilan, selain 41 perwakilan asing sebagai pemerhati.

Yang turut hadir Timbalan Presiden PKR, Rafizi Ramli; Setiausaha Agung, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail; Setiausaha Agung DAP, Anthony Loke dan Naib Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH), Datuk Seri Dr Mujahid Yusof.

Bagaimanapun tiada kelibat wakil Barisan Nasional (BN) menghadiri kongres itu.

Tak tergugat dakwaan

Dalam pada itu, Anwar menegaskan beliau sesekali tidak akan tergugat dengan pelbagai dakwaan yang menyatakan tin-

dakan diambil terhadap individu tertentu sebagai berbaur politik.

Sebaliknya Anwar yang juga Presiden PKR menegaskan kuasa politik perlu digunakan sebaik mungkin supaya individu atau pihak berpengaruh dapat diambil tindakan kerana terbabit dengan jenayah seperti rasuah.

“Selama ini kuasa politik itu melindungi penjenayah besar. Kuasa politik itu melindungi perasuah-perasuah besar. Kuasa politik itu memperkayakan beberapa kerat penguasa dan digunakan kuasa berkenaan melindungi mereka dan menghentam rakyat.

“Jadi kita (Kerajaan Perpaduan) akan menggunakan kuasa (politik) itu melindungi rakyat dan

menyerang perasuah,” katanya.

Sementara itu, Anwar optimis Kerajaan Perpaduan dipimpinya akan terus kukuh dan kekal bertahan dalam tempoh lima tahun akan datang, bersandarkan sokongan kukuh parti yang bersama membentuk kerajaan sejak empat bulan lalu.

“Untuk kita mantap sebagai satu kerajaan lima tahun ini, kita perlu kerjasama padu supaya kita tumpu membetulkan kerosakan yang berlaku dan membangunkan negara dan rakyat.

“Usaha untuk menggugat sedikit sebanyak itu ada, tetapi saya yakin Kerajaan Perpaduan akan terus kukuh dan kekal untuk lima tahun,” katanya.